

Status ancaman H1N1 ditentu esok

Info H1N1

JUMLAH KES
(8,735)

KEMATIAN
72

AS	(4,714) - 4 mati
Argentina	(1)
Australia	(1)
Austria	(1)
Belanda	(3)
Belgium	(4)
Brazil	(8)
China	(5)
Colombia	(11)
Costa Rica	(9) - 1 mati
Cuba	(3)
Denmark	(1)
Ecuador	(1)
El Salvador	(4)
Finland	(2)
Guatemala	(3)
India	(1)
Ireland	(1)
Israel	(7)
Itali	(9)
Jepun	(7)
Jerman	(14)
Kanada	(496) - 1 mati
Korea Selatan	(3)
Malaysia	(2)
Mexico	(2,858) - 66 mati
New Zealand	(9)
Norway	(2)
Panama	(54)
Peru	(1)
Perancis	(14)
Rusia	(1)

PUTRAJAYA - Malaysia boleh diisytiharkan bebas daripada ancaman penularan virus influenza A (H1N1) menjelang esok dengan syarat tiada kes baru dilaporkan dalam tempoh itu.

Setakat ini hanya dua mangsa disahkan dijangkiti virus itu dengan kedua-duanya tiba menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH091 dari Amerika Syarikat pada Rabu minggu lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Ramlee Rahmat berkata, kes pertama dikesan pada 13 Mei lalu dan tempoh masa seminggu selepas itu akan menjadi perkiraan untuk penetapan status wabak tersebut tidak menular.

“Jika tiada kes baru sehingga 20 Mei, kita boleh kata tiada penularan virus itu di negara ini tetapi ia bukan bermakna Malaysia bebas ancaman kerana wabak boleh tercetus semula pada bila-bila masa,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata, setakat semalam, sebanyak 111 kes diasingkan bagi tujuan pemeriksaan di seluruh negara.

Dr. Ramlee berkata, daripada sembilan kes yang disyaki, empat dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, dua di Hospital Kangar, dua di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan satu kes di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Jabatan Kesihatan Johor semalam mengesahkan seorang penumpang wanita dalam pesawat MH091 yang dikuarantin di Hospital Sultanah Ami-

nah disahkan negatif virus influenza A.

Wanita berusia 43 tahun itu kini ditempatkan di wad biasa dan dijangka mendapat kebenaran pulang tidak lama lagi.

Dr. Ramlee juga berkata, dua mangsa yang disahkan positif influenza A iaitu masing-masing di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Pulau Pinang dilaporkan stabil dan semakin pulih manakala keluarga masing-masing yang dikuarantin di rumah juga sihat.

Mengenai tindakan mengesan penumpang pesawat MH091, Dr. Ramlee berkata, tujuh lagi yang dapat dikesan kini dikuarantin di rumah dan kesemuanya berada dalam keadaan sihat. Sebanyak 17 lagi penumpang sedang dikesan.

Bagi penumpang pesawat AirAsia AK 5358 pula, beliau berkata, seramai 33 penumpang dan empat krew penerbangan telah dikesan dan mereka kini diletakkan di bawah kuarantin rumah dan berada dalam keadaan sihat. Seramai 69 lagi masih dikesan.

Dalam pada itu, Jabatan Kesihatan Selangor berusaha untuk menjejaki 31 penumpang pesawat MH091 dan AK5358 yang beralamat di negeri itu untuk pemeriksaan kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin negeri, Dr. Xavier A. Jayakumar berkata, 31 penumpang itu melibatkan lapan orang daripada Penerbangan Malaysia MH091, manakala 23 penumpang lagi menaiki pesawat AirAsia AK5358.



LELAKI ini secara sukarela mengunjungi Hospital Pulau Pinang semalam untuk pemeriksaan selepas disyaki mempunyai simptom influenza A.

Poland	(1)
Portugal	(1)
Sepanyol	(103)
Sweden	(3)
Switzerland	(1)
Thailand	(2)
Turki	(1)
United Kingdom	(82)

Talian untuk dihubungi:
03-88810200, 03-88810300

Datang secara sukarela, kuarantin bukan mandatori

SHAH ALAM - Orang ramai yang pulang dari negara-negara yang disahkan dijangkiti virus influenza A (H1N1) tidak diwajibkan melapor diri untuk dikuarantin walaupun didapati wujud simptom wabak itu.

Ini kerana kerajaan tidak berhas-

rat menjadikan tindakan kuarantin itu mandatori sebaliknya mahu rakyat melakukannya secara sukarela.

Pemangku Menteri Kesihatan, Datuk Seri Kong Cho Ha bagaimanapun menegaskan, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, mereka digalakkan

melapor diri ke mana-mana hospital kerajaan di seluruh negara jika wujud simptom penyakit maut berkenaan.

"Kalau mereka hendak jalani pemeriksaan, ia adalah sukarela termasuk dikuarantin. Apa pun dalam kes-kes yang ada sekarang, kesemua

yang disyaki memberi kerjasama yang baik," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan rumah kos rendah SP Setia di Setia Alam di sini semalam.

Arab Saudi tidak sekat visa umrah untuk rakyat Malaysia

PUTRAJAYA - Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mej. Jen. (B) Datuk Jamil Khir Baharom semalam menafikan laporan bahawa kerajaan Arab Saudi menghentikan sementara pengeluaran visa mengerjakan

umrah kepada rakyat Malaysia berikutan kes influenza A (H1N1).

Beliau berkata, sehingga hari ini belum ada larangan daripada kerajaan Arab Saudi untuk rakyat negara ini mengerjakan umrah dan orang

ramai tidak perlu bimbang kerana sehingga semalam visa umrah masih diluluskan serta semua urusan mengerjakan umrah berjalan lancar.

"Kita sudah periksa dengan pejabat kita di Mekah dan belum ada

sebarang maklumat yang mengatakan visa mengerjakan umrah dari negara kita dihentikan atau ditarik balik," katanya kepada pemberita selepas melawat projek kompleks masjid di Percint 3 di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar *Arab News* bahawa visa mengerjakan umrah tidak dikeluarkan kepada rakyat Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga membendung H1N1.